

29/10/1999

Anwar miliki dana politik RM3 bilion (HL)

Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR, Khamis - Bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid mendedahkan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan dengan mewujudkan lebih 20 akaun induk bernilai RM3 bilion, untuk mencapai cita-cita politiknya.

Beliau mendakwa, satu daripada akaun khas itu bernilai RM200 juta, yang mana dananya dikumpul dan dikendalikan oleh Ketua Pegawai Operasi Phileo Allied Berhad, Tong Kooi Ong, untuk kepentingan Anwar.

Abdul Murad, 46, juga mendakwa beliau diarahkan Anwar supaya membantu beberapa individu tertentu yang rapat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri itu, sama ada untuk melunaskan hutang mereka atau mengisi dana pertubuhan yang mereka terajui.

Antaranya ialah Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Dr Chandra Muzaffar; Naib Presidennya, Marina Yusof; peguam Faiz Abdullah; Ketua Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC), Douglas H Paal dan Datuk Nasaruddin Jalil.

Memberitahu sidang akhbar di Hotel Grand Olympic di sini hari ini, beliau berkata, Tong membuka akaun induk bagi menyalurkan sumbangan kewangan kepada Anwar itu, sebagai membalas budi bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan itu.

Malah, kata Murad, melalui pembabitannya sendiri, beliau mengetahui sekurang-kurangnya sembilan pihak, termasuk Anwar, dibayar wang daripada akaun induk, semuanya berjumlah RM121 juta dalam tempoh 1992-1997.

Pecahan pembayaran itu ialah:

- * Anwar sendiri - RM50 juta;
- * Tan Sri Abdullah Ahmad - RM5 juta;
- * Datuk Nasaruddin Jalil - RM10 juta;
- * Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) dan Douglas H Paal - AS\$10 juta (RM38 juta);
- * Institut Kajian Dasar - RM5 juta;
- * Aliran dan Dr Chandra Muzaffar - RM5 juta;
- * Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) - RM5 juta;
- * Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) - RM2 juta;
- * sebuah yayasan Islam berpusat di Amerika Syarikat - RM1 juta.

Abdul Murad meletakkan jawatan daripada Bank Negara pada 1 Februari lalu sebelum menyertai RHB Bank sebagai pengarah eksekutif.

Beliau dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada 16 September lalu atas tuduhan gagal mengisytiharkan aset bernilai RM23.9 juta dan kesnya menunggu perbicaraan. Sejak itu, beliau meletakkan jawatan daripada RHB Bank.

Abdul Murad mendakwa, Anwar mengarahkannya membantu menyelesaikan lebih RM10 juta hutang Abdullah (wakil khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu).

"Saya membantunya berunding untuk penyelesaian hutang berjumlah RM7 juta. Sebanyak RM5 juta diambil daripada akaun induk manakala baki RM2 juta menggunakan wang Abdullah daripada jualan tanah," katanya.

Selain itu, katanya, Anwar mengarahkannya membantu Marina menjelaskan hutang dengan bank tempatan membabitkan lebih RM20 juta.

"Saya menyerahkan permohonannya kepada Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) untuk memajukan tanahnya di Jalan Tun Razak iaitu Kompleks Marinara. Panel TPU meluluskan permohonan itu dan Marina amat berterima kasih kepada Anwar.

"Anwar juga mengarahkan supaya membantu kumpulan Datuk Nazri Abdullah untuk mengambil alih NST daripada Renong. Saya berbincang dengan Seow Lun Hoo dan Quek Leng Chan daripada Bank Hong Leong dan mereka mencadangkan Nazri menggunakan MRCB untuk mengambil alih saham NST.

"Saya kemudian membantu mengatur pinjaman melalui Maybank untuk Nazri membeli MRCB dan pinjaman lain untuk MRCB membeli NST," katanya.

Abdul Murad berkata, beliau dan Seow Lun Hoon juga diarahkan Anwar membantu Faiz yang juga bekas wartawan dan bekas pegawai Cawangan Siasatan Khas untuk memiliki kepentingan dalam Kewangan Usaha Bersatu Berhad (KUBB) yang kemudian dimiliki oleh Idris Hydraulic Berhad.

Katanya, beberapa bank iaitu Hong Leong Bank, Hong Leong Finance, Sime bank, RHB Bank, Southern Bank dan BSN Commercial Bank digunakan untuk membantu mendapatkan pinjaman membeli saham KUBB yang melebihi RM400 juta.

Dalam sidang akhbar itu, Abdul Murad ditemani rakannya, V Baratmaniam, yang mengedarkan salinan akuan berkanun mengenai pendedahan itu, bertarikh 26 Oktober, kepada pemberita.

Sambil menegaskan akuan berkanun itu dibuat secara sukarela tanpa paksaan, ugutan atau janji daripada mana-mana pihak, Abdul Murad berkata, beliau tidak mengharapkan sebarang balasan atau layanan istimewa berkaitan tuduhan dihadapinya, apabila membuat pengakuan itu.

"Saya menyeru semua rakyat Malaysia yang setia dan cintakan keamanan supaya menolak semua tipu helah politik Anwar dan penyokongnya, serta memberi sokongan kepada semua usaha ekonomi dan fiskal untuk memulihkan semula ekonomi negara.

"Saya bersedia mendedahkan kepada umum mengenai salah laku dan komplot Anwar untuk mencapai cita-cita politiknya yang membahayakan keamanan, keselamatan dan kestabilan politik negara," katanya.

Abdul Murad berkata, beliau kini sedar dasar yang dilaksanakan bekas menteri kewangan itu ketika negara dilanda kegawatan ekonomi pada Julai 1997 adalah rancangan politik Anwar untuk menjatuhkan ekonomi negara dan Malaysia terpaksa melutut meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Ini membolehkan Anwar memaksa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan dan mengambil alih jawatan Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata, Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) yang menerima AS\$10 juta (RM38 juta) adalah satu daripada jentera utama Anwar untuk mempromosi imejnya di Amerika Syarikat dan Eropah.

Abdul Murad berkata, beliau bertanggungjawab mengatur sumbangan AS\$10 juta itu kepada agensi berkenaan, yang diketuai Paal, bekas pengarah kanan Majlis Keselamatan Nasional Amerika Syarikat.

Beliau turut mengaitkan beberapa personaliti tempatan dalam dakwaannya, termasuk Shamsidar Taharin, isteri Azmin Ali, bekas Setiausaha Sulit Anwar.

Menurutnya, Tong yang menguasai Phileo Allied, diarah Anwar supaya mengambil Shamsidar bekerja dengan gaji lumayan berserta kereta dan pemandu, sedangkan dia tidak perlu pergi kerja.

Abdul Murad berkata, sebagai seorang daripada pegawai kanan Bank Negara, beliau telah berhubungan dengan Anwar dalam kedudukannya sebagai Menteri Kewangan.

Anwar, katanya, suka kepada beliau dan berikutan itu menaruh kepercayaan kepadanya untuk melaksanakan sesetengah arahnya (Anwar).

"Anwar mengarahkan saya supaya melaksanakan tindakan korporat tertentu bagi menolong rakan-rakan dan kroninya. Hutang kroninya dijelaskan dengan menggunakan keuntungan daripada urusan yang menggunakan pengaruh Bank Negara," katanya.

Ketika menjawab soalan pemberita, Murad menjelaskan beliau membuat akuan berkanun itu untuk melepaskan suara hatinya daripada rasa bersalah,

setelah berbincang dengan keluarganya.

"Kini saya sedar bahawa saya dipergunakan oleh Anwar untuk memegang aset bagi kegunaan dan faedah politik dan peribadinya. Saya bersedia menghadapi tindakan mahkamah berkaitan dengan dakwaan ini," katanya.

Ditanya kenapa mengambil masa lama sebelum membuat pendedahan itu, Abdul Murad berkata:

"Saya membuat keputusan selepas meneliti pelbagai faktor. Ia mengambil masa lama untuk saya sebelum sedar dan memberitahu orang ramai apa yang tidak benar, telah berlaku."

Sama ada beliau akan membuat laporan polis mengenai tindakan Anwar itu, beliau berkata: "Ini adalah langkah pertama saya. Saya akan fikirkan tindakan selanjutnya."

(END)